


PEMERIKSAAN GENETIK

Pakar perubatan kenal pasti pelbagai penyakit berkaitan keturunan dan juga reaksi kepada ubat



Hidayatul Akmal Ahmad

hidayatulakmal@hmetro.com.my

Kita biasa menjalani pemeriksaan kesihatan seperti ujian tekanan darah, kolesterol, tinggi dan berat (BMI), kanser dan sebagainya. Tetapi pernahkah kita terfikir untuk menjalani pemeriksaan genetik?

Bayangkan, melalui ujian itu, kita dapat mengetahui sama ada anak kita mempunyai risiko diabetes di masa depan lantas boleh mengawal diet anak dari awal.

Jika mereka berisiko menghidap asma yang kronik, langkah pencegahan seperti tidak membela haiwan atau menghindari pengambilan sebarang makanan yang boleh menjadi pencetus masalah berkenaan.

Pakar Genetik ADCAS Lifescience Sdn Bhd, Dr Alice Lee berkata, ujian genetik dilakukan dengan memeriksa setiap genetik khusus (kromosom) bagi memastikan adakah sebarang masalah pada genetik berkenaan.

"Sesiapa saja boleh melakukan pemeriksaan ini sama ada sudah berkahwin atau bakal berkahwin. Bagi yang bakal berkahwin, mereka akan tahu risiko kehamilan misalnya bakal mendapat anak kurang upaya atau sebaliknya.

"Jika hasil ujian itu memungkinkan pasangan mendapat anak kurang upaya, pihak kami akan memberi khidmat nasihat dan pencegahan dari semua segi bagi mengurangkan risiko itu," katanya ketika ditemui di kliniknya baru-baru ini.

Ujian genetik dilakukan dengan memeriksa setiap genetik khusus (kromosom) bagi memastikan adakah sebarang masalah pada genetik itu.

Sesetengah penyakit



PEMERIKSAAN genetik kesan risiko kesihatan bayi dalam kandungan.



ALICE (tengah) bersama rakan kongsi, Dr Su Lin Tan (dua dari kiri), Dr Agnes Seong Ting Chen (dua dari kanan) serta pekerja ADCAS Lifescience Sdn Bhd.

berpunca daripada satu mutasi manakala yang lain membabitkan gabungan kompleks beberapa genetik dan faktor persekitaran.

Di Eropah, pemeriksaan genetik wujud sejak 12 tahun lalu manakala di Asia Tenggara, ia masih baru dan ramai yang masih kurang peka mengenainya.

Menurut Alice, bukan hanya orang dewasa,

bayi juga boleh membuat pemeriksaan ini. Beliau berkata perkhidmatan ini akan membolehkan doktor serta pakar perubatan memeriksa dan mengenal pasti pelbagai penyakit berkaitan genetik, pengkajian awal penyakit keturunan, dan juga reaksi kepada pelbagai ubat.

"Akses kepada maklumat baru ini akan

mengubah pendekatan kepada diagnosis rawatan dan kesihatan, dengan mengambil kira maklumat mengenai genetik pesakit.

"Jika kita sanggup berhabis untuk pakaian dan mekap yang mahal, mengapa tidak untuk kesihatan diri yang tidak boleh dibeli dengan wang," katanya.